



Ruj. Kami : ANM(G)NS.127 Jld.2 (86)

Tarikh : 5 November 2019

**PENGARAH
SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB
KERAJAAN PERSEKUTUAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YB Tuan / YBhg. Dato / Tuan,

**PERLAKSANAAN SKIM PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL DI
BAWAH PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO) KEPADA
KAKITANGAN AWAM BERTARAF SEMENTARA, KONTRAK DAN INTERIM**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara yang tersebut di atas.

2. Sebagaimana yang sedia maklum, pihak PERKESO melalui pekeliling Majikan No. 2 Tahun 2013 telah mewajibkan caruman Skim Perlindungan Keselamatan Sosial kepada kakitangan awam bertaraf sementara, kontrak dan interim. Sehubungan itu, semua Jabatan yang mempunyai kakitangan sementara, kontrak dan interim adalah dipohon untuk mengambil tindakan berikut:

- i. Mewujudkan nombor akaun majikan dengan pihak PERKESO; dan
- ii. Mengemukakan Borang SG10 (seperti di lampiran) berserta salinan surat PERKESO kepada Unit Gaji JANMNS.

3. Pembayaran caruman kepada PERKESO bagi kedua-dua syer majikan dan pekerja perlu dibuat bermula pegawai berkhidmat sebagai kakitangan bertaraf sementara, kontrak dan interim. Pembayaran tunggakan caruman PERKESO adalah seperti berikut:

- i. Pekerja bertanggungjawab membayar tunggakan caruman kepada PERKESO untuk 6 bulan terkini, manakala tunggakan caruman 6 bulan sebelumnya adalah di atas tanggungjawab majikan sepenuhnya.
- ii. Kutipan tunggakan bagi memastikan pencarum layak membuat tuntutan sekiranya berlaku kemalangan.

4. Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah mematuhi perihal Baucar Bayaran caruman PERKESO bagi Arahan Pembayaran jenis K2 (bagi bayaran melalui Baucar Berasingan) mengikut keperluan PERKESO. Contoh perihal bayaran adalah seperti di bawah :

- i. PTJ perlu mengunci masuk 20 aksara pertama pada ruangan perihal bayaran seperti format di bawah:

CTH: **A1200034567B**01201410

A1200034567B	012014	10
No. Kod Majikan	Bulan Caruman (MMYYYY)	Kod AO Contoh : 1010 (2 digit terakhir)

12 digit – No kod majikan (ditambah dengan “000” sekiranya nombor kod majikan tidak cukup 12 digit.)

Contoh: Kod Majikan lama: A3604174K
Diubah kepada A3600004174K

6 digit – Bulan dan Tahun Caruman

2 digit – Kod AO

ii. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung baucar bayaran berasingan, pihak YB Tuan / YBhg. Dato / tuan bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berkenaan :

- i. Nama : Noraini binti Mohd Yunos
No. Tel : 06-7686897
Emel : noraini.yunus@anm.gov.my
- ii. Nama : Sareen Deo binti Mohd Imbran
No. Tel : 06-7686871
Emel : sareen@anm.gov.my

iii. Bersama-sama ini disertakan **Prosedur Pembayaran dan Penghantaran Caruman PERKESO Oleh PTJ dan Tatacara Mengemaskini Pembayaran *Electronic Fun Transfer (EFT)*** sebagai rujukan. Kerjasama pihak YB Tuan / YBhg. Dato / tuan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'

Saya yang menjalankan amanah,



(NOOR AZURA BINTI MOHD AZHAR ACCA(UK), C.A.(M))

Unit Gaji

b.p. : Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Sembilan